

# Rasuah Membunuh Bola Sepak

Oleh Mus Lakawa

**P**opulariti sukan bola sepak meningkat secara mendadak terutamanya pada abad ke-20. Dengan berlandaskan undang-undang asal yang diperkenalkan oleh Persatuan Bola Sepak England (*The Football Association*) pada 1863, sukan ini sekarang diiktiraf sebagai sukan nombor satu dunia.

Berpaksikan permainan berpasukan, bola sepak pada hakikatnya memiliki aura luar biasa yang mampu mengubah reputasi individu mahupun negara. Bola sepak dikatakan mula wujud di China sejak abad ketiga lagi, dan sukan ini dimainkan di lebih 200 buah negara di seluruh dunia dengan penglibatan mencecah hampir 500 juta orang. Mengambil kira statistik tersebut, bola sepak akhirnya ditafsirkan sebagai industri sukan yang menguntungkan dan bukan semata-mata permainan menandang dan mengejar bola di atas padang.

Perolehan melalui pendapatan hak siaran televisyen dan penjualan tiket di stadium juga cukup tinggi. Hal ini merupakan perniagaan asas dalam industri tanpa melibatkan pendapatan lain seperti penajaan, gaji, elau, penjualan cenderahati dan hadiah kemenangan. Bukti paling jelas apabila penganjuran Kejohanan Piala Dunia 2010 di Afrika Selatan, dua tahun lalu, memberikan Persatuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) keuntungan mencecah AS\$3.64 bilion (RM11.04 bilion). Persoalannya, sejauh manakah pendapatan mewah hasil daripada permainan bola sepak, mampu dikategorikan sebagai "rezeki halal" terutamanya kepada pemain?

Melihat skenario kini termasuklah permintaan yang mencurah-curah, pelbagai taktik digunakan oleh pihak tertentu dalam mengaut keuntungan segera hasil daripada ketaksuban masyarakat



terhadap sukan bola sepak. Jalan pintas selalu digunakan iaitu menerusi amalan *bookie* dan aktiviti mengatur perlawanan dengan menjadikan pemain bola sepak sebagai "watak utama".

Amalan dan aktiviti ini menular dalam bola sepak antarabangsa terutamanya melibatkan penganjuran kejohanan besar mahupun persaingan dalam liga berprofil tinggi, yang diistilahkan sebagai satu jenayah rasuah. Lebih memburukkan keadaan, apabila jenayah rasuah dalam industri ini turut melibatkan pemimpin atasan persatuan seperti yang menimpa calon Presiden FIFA, Mohammed Hammam, yang dituduh memberikan rasuah bagi memenangi pemilihan jawatan tersebut pada tahun lalu.

Di Malaysia, peminat sukan ini sepatutnya bersyukur kerana aktiviti rasuah melibatkan pemimpin bola sepak tidak pernah dilaporkan. Namun yang dikesali adalah apabila jenayah ini meracuni kerjaya pemain tempatan sejak sekian lama. Pada Mei tahun lalu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengemukakan tindakan mengantung penyertaan untuk tempoh satu hingga lima tahun terhadap 57 orang pemain serta seorang penolong jurulatih bagi menghalang mereka daripada terus terlibat dalam gejala tidak bermoral tersebut.

Berdasarkan beberapa laporan yang dibuat, oleh media tempatan, aktiviti rasuah paling popular melibatkan pemain bola sepak adalah mengatur perlawanan. Pemain ataupun kumpulan pemain menerima bayaran daripada

## 9 pemain RM900,000

> Sembilan daripada 11 pemain bola sepak Perlis yang beraksi pada perlawanan menentang MP Muar pada 9 Januari lalu didakwa bertemu seorang ejen *bookie* juga bekas pemain bola sepak tempatan. Dalam pertemuan itu, setiap mereka dikatakan ditawarkan RM100,000 imbuhan menjual perlawanan.

**Titik noda**

pihak tertentu atas tujuan tertentu. Hakikatnya, rasuah bukanlah dimainkan sendiri oleh pemain, tetapi banyak didorong oleh pihak ketiga termasuklah jurulatih.

Menyusuri sejarah skandal rasuah bola sepak di Malaysia, senario tersebut sebenarnya mencapai kemuncak pada 1994 apabila sebanyak 100 orang pemain serta jurulatih disyaki mengatur keputusan perlawanan Piala Malaysia dan Liga Perdana. Kes tersebut ditafsirkan oleh beberapa orang pengkritik sukan tanah air sebagai zaman kejatuhan dan detik hitam dalam sejarah bola sepak negara yang sebelum itu bermegah dengan

kelahiran beberapa pemain legenda, seperti Allahyarham Mohkhar Dahari dan Raja Bola Sepak, Ghani Minhat. Lembaga Disiplin Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) mengemukakan tindakan mengantung penyertaan untuk tempoh satu hingga lima tahun terhadap 57 orang pemain serta seorang penolong jurulatih bagi menghalang mereka daripada terus terlibat dalam gejala tidak bermoral tersebut.

Kini, selepas hampir 20 tahun sejarah hitam itu berlaku, arena bola sepak Malaysia sekali lagi digemparkan dengan skandal rasuah yang dipercayai melibatkan pemain Perlis. Yang menariknya, skandal rasuah ini terbongkar selepas dua minggu kempen

Liga Malaysia membuka tirainya bagi musim 2012. Kali ini, Persatuan Bola Sepak Perlis mendedahkan bahawa bukan hanya seorang pemain bola sepak Perlis yang terlibat dalam mengatur perlawanan tersebut, malah disyaki sebanyak sembilan orang pemain terlibat yang menyebabkan pasukan dari utara itu tewas besar, iaitu dua berbalas tujuh dengan Majlis

Perbandaran Muar dalam saingan Liga Perdana. Peristiwa terbaharu tersebut kemudiannya mendapat reaksi serius daripada SPRM yang mengesahkan bakal membuat siasatan dengan memanggil kesemua pemain yang terlibat.

Enggan peristiwa 1994 berulang kembali, FAM seterusnya mengambil pendekatan nekad dengan menyerahkan sepenuhnya kes berkenaan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan SPRM untuk mengambil tindakan. Alasan yang diberikan oleh badan induk itu dilihat berasas, FAM hanya boleh menghukum pesalah sama ada pemain atau jurulatih apabila mahkamah menjatuhkan hukuman.

Pada 2011 sahaja, perang membasmi gejala rasuah diperhebat apabila seorang ahli pemiagaan yang berperanan sebagai *bookie* dan seorang bekas jurulatih didakwa di mahkamah. Pendakwaan berada di tiga mahkamah berasingan, iaitu di Kuala Terengganu, Shah Alam dan Seremban, dibuat ekoran beberapa kes mengatur perlawanan membatinkan pasukan Piala Presiden T-Team, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan.

Agak malang pada ketika itu apabila kesemua pemain yang terlibat dalam mengatur perlawanan ialah pemain muda yang diharapkan pantas membawa maruah negara di pentas antarabangsa suatu hari nanti. Namun, pernahkah terfikir, mengapa sesetengah pemain bola sepak sanggup menggadai maruah dan bakat yang dimiliki sehingga terjebak ke dalam kancas rasuah?

Bagi pemain yang dikategorikan dalam "Kelas A", isu gaji mungkin bukan masalah memandangkan

pendapatan sebulan mereka boleh mencecah RM15 ribu hingga RM20 ribu. Walau bagaimanapun, nasib tidak begitu indah bagi kebanyakan pemain terutamanya yang berada dalam kancas Piala Presiden. Menerusi pendedahan seorang pemain Piala Presiden, dari sebuah pasukan Pantai Timur pada Jun 2011, keputusannya untuk mengambil rasuah didorong oleh keinginan untuk hidup mewah. Dengan hanya gaji tidak sampai RM1000 sebulan, pemain berkenaan turut mengakui menerima habuan yang jumlahnya lebih enam kali ganda daripada gaji bulanan. Ironinya, pendedahan itu merupakan contoh ringkas sikap ketamakan pemain yang menjadi punca berlakunya gejala rasuah yang akhirnya membawa kepada aktiviti mengatur dan menjual perlawanan.

Selain itu, beberapa lagi faktor dikenal pasti menjadi punca rasuah, seperti kesempatan hidup, pengaruh rakan, masalah pembayaran gaji dan kurangnya penguatkuasaan daripada agensi terlibat. Memetik peringatan keras Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Said kepada pemain pasukan Terengganu dan T-Team baru-baru ini, hal ini jelas menjadi satu pendekatan berasas dalam memberikan panduan kepada pemain sebelum terjebak dalam sebarang kegiatan tidak bermoral.

Menurut Ahmad Said, tanggungjawab sebagai pemain hanyalah bermain dan memberikan aksi terbaik di atas padang dan soal habuan dan gaji serta pendapatan, diuruskan sebaik-baiknya oleh pihak persatuan dan kerajaan negeri. Kenyataan tersebut sangat jelas bahawa peranan persatuan bukan sahaja mengurus perlawanan, tetapi lebih daripada itu menjaga hak dan kebajikan pemain.

Tidak dinafikan, rasuah merosakkan pemain. Membunuh aura luar biasa bola sepak dan menghancurkan semangat manusia yang cinta akan bola sepak. Isu ini perlu diambil berat dan bukan lagi isu nasional, tetapi melingkari isi dunia dengan penglibatan semua pihak. Selain itu, isu ini juga bukan takhluk kepada sukan bola sepak sahaja, malah setiap pekerjaan yang dilakukan perlu bebas daripada gejala rasuah. ■